



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS : MPU2313/MPU3013
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Berikut ialah ciri-ciri Islam **kecuali**
 - A *Rabbani*
 - B *Al-Din*
 - C Anjal
 - D Realistik

2. Bagaimana cara menjadikan Islam sebagai al-Din?
 - A Menjadikan Islam sebagai agama rasmi sesebuah negara
 - B Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam ibadat khusus
 - C Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam semua aspek kehidupan
 - D Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam perundangan jenayah dan sosial

3. Berikut adalah antara perbahasan mengenai Ilmu Tauhid, iaitu
 - A memperkatakan mengenai ketuhanan
 - B membahaskan tentang keutamaan alam dunia
 - C memperkatakan tentang cabang-cabang syariah
 - D membahaskan tentang alam dan isi kandungannya

4. "Melakukannya adalah satu kemestian dan merupakan satu kebaikan"
Berdasarkan kenyataan di atas, adalah merujuk kepada heirarki nilai
 - A Wajib
 - B Sunat
 - C Harus
 - D Makruh

5. Pilih jawapan yang paling tepat berkaitan maksud "Jihad dengan tangan".
 - A Kekuasaan
 - B Kekuatan dan kekerasan
 - C Kekuasaan dan kekuatan
 - D Kekuasaan dan kekerasan

6. Pasangan berikut yang manakah benar tentang sarjana Islam dan bidang sumbangan masing-masing.
- A Ibn Khaldun - Kemasyarakatan
 - B Ibn Haytham - Perubatan
 - C Al-Khawarizmi - Sains
 - D Ar-Razi - Matematik
7. Pertembungan antara tamadun Islam dan tamadun Barat hendaklah ditangani dengan
- A menentang tamadun Barat
 - B menerima prinsip tamadun Barat
 - C menolak prinsip tamadun Barat secara sepenuhnya
 - D menerima dan menyesuaikan dengan syariat
8. Berikut adalah cabang seni dalam Islam kecuali
- A Seni tari
 - B Seni bina
 - C Seni kaligrafi
 - D Seni suara
9. Seni persuratan adalah meliputi
- i. puisi
 - ii. syair
 - iii. risalah
 - iv. nasyid
- A i,ii
 - B i,iii
 - C ii,iv
 - D i,ii,iii

10. Berikut adalah salah satu kepentingan perkahwinan di dalam Islam.
- A Melahirkan keturunan manusia secara sah
 - B Mengelakkan perasaan jemu hidup berseorangan
 - C Mengembangkan harta dan menambah kekayaan
 - D Menjaga imej dan status diri pada pandangan mata masyarakat
11. Berikut merupakan rukun nikah kecuali
- A niat
 - B wali
 - C ijab dan qabul
 - D pengantin lelaki dan perempuan
12. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai proses pembentukan keluarga di dalam Islam kecuali
- A bermula dengan mencari jodoh atau memilih teman hidup
 - B faktor agama hendaklah diletakkan sebagai asas utama dalam pemilihan jodoh
 - C ciri-ciri kecantikan, kekayaan dan keturunan hendaklah ditolak dan tidak diambil kira dalam pemilihan jodoh
 - D mesti berdasarkan panduan yang diberikan oleh Islam melalui hukum-hakam yang terdapat dalam bab munakahat
13. Manakah kenyataan yang benar mengenai masyarakat Islam?
- A Melaksanakan kehidupan yang berlandaskan syariat Islam
 - B Tidak digalakkan hidup bersama-sama dengan orang bukan Islam dalam satu masyarakat
 - C Tidak dibenarkan bekerjasama dengan anggota masyarakat yang bukan beragama Islam dalam menyempurnakan keperluan hidup
 - D Berusaha menghidupkan nilai-nilai dan syiar Islam dengan syarat ia tidak bertentangan dengan sensitiviti para penganut agama yang lain

14. Mengapakah umat Islam digelar sebagai '*ummatan wasatan*' (umat pertengahan)?
- A Mereka beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT
 - B Mereka sentiasa menyuruh umat manusia melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran
 - C Mereka sanggup mengorbankan masa, tenaga dan jiwa mereka untuk berperang menegakkan kebenaran di jalan Allah SWT
 - D Mereka adalah umat yang adil dan umat pilihan yang sentiasa memiliki aspek kesederhanaan dan tidak melampaui serta keterlaluan dalam segala perkara
15. Individu pertama yang menggunakan gelaran *amir al-mukminin* sebagai ketua negara adalah
- A Umar al-Khattab
 - B Uthman bin 'Affan
 - C Ali bin Abi Talib
 - D Abu Bakar al-Siddiq
16. Khalifah adalah pemimpin negara yang perlu memastikan _____
- A kuasa pemerintahan adalah hak mutlak khalifah
 - B rakyat bertindak sejajar dengan perintah Allah dan Rasul
 - C pembangunan ekonomi menjadi agenda utama pemerintahan
 - D semua rakyat termasuk yang bukan Islam mengeluarkan zakat
17. Apakah hukuman bagi kesalahan zina bagi orang yang telah berkahwin?
- A Bunuh
 - B Buang daerah
 - C Sebat seratus kali
 - D Rejam sampai mati

18. Apakah sikap yang sepatutnya dimiliki oleh umat Islam dalam suasana perkembangan teknologi hari ini?

- i. Bersikap proaktif dan bersedia fizikal dan mental
- ii. Bersikap mendiamkan diri dan memerhati sahaja risalah
- iii. Meningkatkan pengetahuan dan menguasai teknologi
- iv. Menyerahkan tanggungjawab kepada institusi ulama

- A i,ii
B i,iii
C ii,iv
D i,ii,iii

19. Antara berikut yang manakah benar tentang perpaduan ummah seperti yang dituntut oleh Islam?

- A Bersatu hati dan tidak perlu kerjasama
B Bekerjasama tetapi tidak perlu bersatu hati
C Modernisasi dijadikan landasan untuk perpaduan
D Masyarakat Islam diasaskan melalui semangat persaudaraan yang kuat

20. Berikut adalah salah satu langkah realistik yang boleh diambil bagi mewujudkan perpaduan ummah.

- A Melarang perbezaan pendapat dalam perkara-perkara khilafiyah
B Menetapkan hanya satu mazhab fiqh sahaja boleh diamalkan oleh umat Islam dalam sesebuah negara
C Mengurangkan jurang ekonomi dan politik antara kelompok masyarakat Islam dalam sesebuah negara
D Memastikan para cendekiawan Islam mengemukakan pandangan yang sama bagi menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul dalam masyarakat

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH(7)** soalan.

Jawab **ENAM(6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Agama Islam mempunyai asas-asas sebagai pedoman dan panduan yang telah ditetapkan dalam kehidupan manusia. Terdapat tiga elemen yang menjadi asas kepada agama Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak.

a. Jelaskan pengertian syariah

(2 Markah)

b. Syariah terbahagi kepada empat bahagian, sebutkan **empat(4)** bahagian tersebut

(4 Markah)

c. Ibadah adalah perkara asas di dalam kehidupan seorang muslim.

Jelaskan **dua(2)** pembahagian ibadah beserta contoh

(4 Markah)

SOALAN 2

Islam dikenali sebagai agama yang sempurna (*syumul*) meliputi seluruh aspek kehidupan dan keperluan manusia yang telah disusun secara lengkap.

a. Huraikan **dua(2)** keistimewaan dan keunikan agama Islam

(4 markah)

b. Berikan pengertian berikut :

i. *Hajiyyat*

ii. *Tahsiniyyat*

(4 markah)

c. Apakah yang dimaksudkan dengan "*Maqasid al-Syariat*".

(2 markah)

SOALAN 3

Suami, isteri serta anak-anak mempunyai peranan, hak dan tanggungjawab masing-masing agar dapat membentuk sebuah keluarga yang *sakinah, mawaddah* dan *rahmah*.

- a. Jelaskan **dua(2)** tanggungjawab anak kepada ibu bapa
(4 Markah)
- b. Nyatakan **dua(2)** golongan yang haram dikahwini selamanya
(2 Markah)
- c. Jelaskan **dua(2)** hukum perkahwinan yang telah anda pelajari
(4 Markah)

SOALAN 4

Pendidikan Islam di Malaysia merupakan satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah

- a. Sebutkan **dua(2)** adab dalam pengajaran dan pembelajaran
(2 markah)
- b. Huraikan **dua(2)** tanggungjawab pemerintah/kerajaan dalam menjayakan sektor pendidikan di Malaysia
(4 markah)
- c. Jelaskan **dua(2)** kepentingan pendidikan kepada masyarakat Islam
(4 markah)

SOALAN 5

Seni merupakan salah satu unsur hiburan dan keindahan yang menjadi fitrah manusia untuk menyukainya.

- a. Nyatakan prinsip kesenian menurut perspektif Islam
(2 markah)

- b. Jelaskan **dua(2)** bidang seni dalam Islam beserta contoh
(4 markah)

- c. Huraikan **dua(2)** garis panduan adab berhibur yang telah digariskan oleh Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
(4 markah)

SOALAN 6

Sistem pemerintahan dan pentadbiran sebagai salah satu dari kewajipan agama dan syariah yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Ianya bertujuan melahirkan negara dan ummah yang *mardhatillah* bagi mencapai kebahagiaan akhirat.

- a. Nyatakan **empat(4)** prinsip pemerintahan dan pentadbiran Islam yang perlu dilaksanakan oleh pemerintah
(4 markah)

- b. Jelaskan **dua(2)** peranan Syura di dalam pentadbiran dan pemerintahan Islam
(2 markah)

- c. Senaraikan **empat(4)** institusi yang berperanan penting di dalam pentadbiran dan pemerintahan Islam
(4 markah)

SOALAN 7

Gejala keruntuhan akhlak merupakan satu isu yang sangat meruncing dan kebanyakan masalah sosial kini diterajui oleh sebilangan besar umat Islam.

- a. Jelaskan **dua(2)** punca berlakunya gejala keruntuhan akhlak pada masa kini
(4 markah)

- b. Huraikan **dua(2)** peranan ibu bapa dalam mengawal gejala keruntuhan akhlak
(4 markah)

- c. Nyatakan **dua(2)** adab pergaulan antara lelaki dan perempuan menurut Islam
(2 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA(2)** soalan, jawab **SATU(1)** soalan sahaja.
Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Dan janganlah kamu menghampiri zina kerana sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk” (al-Isra' ayat 32)

Berdasarkan maksud ayat di atas, berikan **empat(4)** langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah perbuatan zina.

(20 markah)

SOALAN 2

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

“Barangsiapa yang melalui satu jalan bertujuan menimba ilmu pengetahuan maka Allah akan melorongkannya ke Syurga” (Hadis Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis di atas, jelaskan **empat(4)** faktor yang menggalakkan pembudayaan ilmu di Malaysia

(20 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT